

BAYARAN PROJEK AGRICULTURE INTELLIGENCE SYSTEM FASA 1

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
Malaysia
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Bayaran bagi Projek Agriculture Intelligence System (AIS) Fasa 1 oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Projek AIS Fasa 1 dibangunkan sebagai pemudah bagi menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam rantaian bekalan melalui rangkaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada bayaran bagi Projek AIS Fasa 1 telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - bayaran RM0.95 juta dibuat di luar tempoh kontrak (bayaran tidak wajar);
 - pengurangan denda lewat RM0.51 juta disebabkan kelewatan semakan dokumen dan gangguan perkhidmatan *cloud*, dan
 - Projek AIS Fasa 1 berjumlah RM8.87 juta tidak digunakan sejak bulan November 2020 walaupun projek telah siap dan serahan dibuat pada 1 Februari 2020.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - memastikan projek dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan pembayaran di luar kontrak;

- memastikan formula pengiraan denda lewat bagi perolehan ICT mengikut peraturan Kerajaan supaya tuntutan denda lewat dibuat dengan teratur dan mematuhi klausa perjanjian;
- memastikan pemantauan terhadap pengurusan projek dibuat dengan lebih berkesan dengan mengambil tindakan segera terhadap masalah yang berbangkit; dan
- memastikan sistem digunakan secara optimum dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran kepada Kerajaan.